

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN (FAMA) NEGERI KEDAH

SITI HAFIZAH BT. ABIDIN  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMADARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

11: 3333

1100045049



LI 92 FPE 4 2005



1100045049

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) / Siti Hafidzah Abidin.

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

|            |  |
|------------|--|
| 1100045049 |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |
|            |  |

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

11  
92  
FPE  
4  
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN (FAMA) NEGERI KEDAH**

Oleh

**SITI HAFIDZAH BT ABIDIN**  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100045049

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Siti Hafidzah bt Abidin, no matrik UK 8089 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : SITI HAFIDZAH BT ABIDIN

Tarikh : 14 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh :



TUAN HJ MANAN BIN ALI

Penyelia KUSTEM  
b / p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM

# Isi Kandungan

| <u>Senarai kandungan</u>                | <u>muka surat</u> |
|---|-------------------|
| Penghargaan                             | III               |
| Pendahuluan                             | IV                |
| Objektif latihan industri               | V                 |
| Senarai Carta                           | VI                |
| Ringkasan eksekutif                     | VII               |
| <br>                                    |                   |
| <b>BAB 1: LATAR BELAKANG SYARIKAT</b>   | <b>1</b>          |
| <br>                                    |                   |
| 1.1: Pengenalan                         | 1                 |
| 1.1.1: Penubuhan FAMA                   | 1                 |
| 1.1.2: Visi, Misi dan Objektif syarikat | 3                 |
| 1.2: Maklumat syarikat                  | 4                 |
| 1.2.1: Ahli lembaga pengarah            | 5                 |
| 1.2.2: Bidang urusan FAMA Negeri Kedah  | 6                 |
| 1.2.3: Fungsi-fungsi khusus FAMA        | 8                 |
| 1.2.4: Peranan FAMA                     | 22                |
| 1.2.5: Fungsi FAMA                      | 23                |
| 1.3: Aktiviti syarikat                  | 24                |

|  |           |
|--|-----------|
| 1.4: Carta organisasi FAMA Negeri Kedah                              | 30        |
| <b>BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH</b>                                | <b>31</b> |
| <b>2.1: UNIT URUSNIAGA PROSES</b>                                    | <b>31</b> |
| 2.1.1: Visi,Misi dan Objektif unit                                   | 31        |
| 2.1.2: Sistem edaran movan   | 32        |
| 2.1.3: Masalah utama   | 33        |
| 2.1.4: Cadangan penyelesaian masalah                                 | 35        |
| 2.1.5: Pelaksanaan cadangan dan implikasi                            | 36        |
| <b>2.2.: UNIT PROMOSI</b>  | <b>37</b> |
| 2.2.1: Objektif Unit Promosi   | 37        |
| 2.2.2: Sistem pengurusan unit promosi<br>(pelaksanaan program)       | 38        |
| 2.2.3: Masalah utama   | 39        |
| 2.2.4: Cadangan penyelesaian masalah                                 | 40        |
| 2.2.5: Pelaksanaan cadangan dan implikasi                            | 41        |
| <b>2.3: UNIT KUALITI, PEMBORONGAN DAN PELESENAN</b>                  | <b>42</b> |
| 2.3.1: Objektif unit   | 42        |
| 2.3.2: Sistem pelaksanaan kontrak pemasaran<br>hasil-hasil pertanian | 43        |

|   |    |
|---|----|
| 2.3.3: Masalah utama                      | 44 |
| 2.3.4: Cadangan penyelesaian masalah      | 45 |
| 2.3.5: Pelaksanaan cadangan dan implikasi | 46 |
| <br>                                      |    |
| BAB 3: PENUTUP                            | 47 |
| <br>                                      |    |
| RUJUKAN                                   |    |
| <br>                                      |    |
| LAMPIRAN                                  |    |

# Penghargaan

Bismillah hirrahma nirrahim

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, pelajar dapat menyiapkan buku laporan latihan industri ini tepat pada masanya.

Pertama sekali, pelajar ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan FAMA Negeri Kedah Darul Aman yang banyak membantu pelajar sepanjang menjalani latihan industri.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat ayah bonda yang tercinta di atas sokongan dan bantuan yang tidak terhingga kepada pelajar.

Akhir sekali pelajar ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Pensyarah Latihan Industri, En. Manan serta rakan-rakan yang banyak membantu pelajar dalam menyiapkan laporan latihan industri ini.

Sekian terima kasih.



# Pendahuluan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah menetapkan setiap pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran semester keempat mengikuti latihan praktikum sebelum dianugerahi ijazah. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan pengijazahan seperti yang telah ditentukan oleh program fakulti pengurusan. Para pelajar boleh menjalani latihan praktikum di mana-mana organisasi yang telah dipilih oleh para pelajar. Latihan praktikum ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dalam mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari dan memahirkan diri dengan penggunaannya mengikut bidang masing-masing. Ia memberi peluang kepada sesebuah organisasi swasta, badan berkanun dan kerajaan untuk memindahkan pengalaman dan kepakaran yang bersesuaian kepada pelajar ke arah pembentukan tenaga profesional. Di samping itu ia turut mewujudkan dan memantapkan hubungan dua hala di antara KUSTEM dan organisasi yang terlibat untuk manfaat bersama. Selain itu, ianya bertujuan untuk mendedahkan para pelajar tentang situasi sebenar alam pekerjaan.

## Objektif Latihan Industri

Secara amnya, objektif latihan industri boleh disenaraikan seperti berikut:

- i. Mendedahkan pelajar dengan pekerjaan sebenar.
- ii. Membolehkan pelajar mengaitkan teori – teori yang telah dipelajari dengan aspek – aspek praktikal atau sebaliknya.
- iii. Menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik sesama pekerja.
- iv. Menanam sifat amanah, bertanggungjawab dan berkeyakinan tinggi.
- v. Mengamalkan peraturan – peraturan keselamatan di dalam industri
- vi. Menyediakan laporan rasmi dan tugas – tugas lain yang diarahkan oleh pihak universiti.

# Senarai Carta

| <u>Tajuk</u>   | <u>m.s</u> |
|--|------------|
| <b>RAJAH 1: CARTA ORGANISASI SYARIKAT</b>                                      | <b>30</b>  |
| <b>RAJAH 2: SISTEM EDARAN MOVAN</b>  | <b>32</b>  |
| <b>RAJAH 3: SISTEM PENGURUSAN UNIT PROMOSI<br/>(PELAKSANAAN PROGRAM)</b>       | <b>38</b>  |
| <b>RAJAH 4: SISTEM PELAKSANAAN KONTRAK<br/>PEMASARAN HASIL-HASIL PERTANIAN</b> | <b>43</b>  |

## Ringkasan Eksekutif

Sepanjang menjalani latihan industri di FAMA Negeri Kedah, pelbagai pengalaman telah saya perolehi. Selama 12 minggu berada di Fama Negeri Kedah, saya telah ditempatkan di enam unit berbeza iaitu unit pengurusan, unit urusniaga proses, unit segar, unit HEK / Promosi, unit pengembangan, dan juga unit kualiti pada tempoh masa tertentu.

Sepanjang berada di unit – unit yang berbeza ini, saya telah mengambil kesempatan untuk belajar bersungguh – sungguh mengenai bagaimana atau apakah yang dilakukan di dalam sesuatu unit dan apakah fungsi setiap unit. Saya juga telah dapat mengenalpasti sistem yang digunakan bagi setiap unit dalam menjalankan sesuatu kerja.

Namun, bagi laporan industri ini saya menekankan kepada tiga unit sahaja yang dirasakan unit yang begitu penting dalam FAMA. Tiga unit tersebut adalah Unit Urusniaga Proses, Unit HEK/ Promosi dan Unit Kualiti, Pemborongan dan Pelesenan.

Saya juga telah dapat mengenalpasti masalah yang timbul dalam setiap sistem yang digunakan sehingga menyebabkan memberi kesan terhadap pengguna, pelanggan FAMA sendiri dan juga terhadap pekerja – pekerja FAMA.

Didalam Unit Urusniaga Proses, saya telah mengkaji salah satu daripada sistem yang digunakan iaitu sistem edaran movan. Saya dapati masalah utama dalam sistem ini adalah berkaitan dengan ketidakpuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja. Maka, saya telah mengkaji beberapa masalah yang menjadi punca kepada ketidakpuasan pelanggan ini.

Sistem pelaksanaan program merupakan sistem yang dikaji oleh saya dalam Unit HEK/ Promosi. Saya mendapati masalah yang sering dihadapi adalah pelaksanaan program promosi yang kurang berjaya.

Manakala, dalam Unit Kualiti, Pemborongan dan Pelesenan, saya mengkaji sistem pelaksanaan kontrak pemasaran yang dijalankan. Dalam sistem ini, saya mendapati masalah utamanya adalah berkaitan dengan masalah pelanggaran kontrak serta kualiti hasil tanaman yang tidak memuaskan.

Maka, beberapa cadangan telah saya syorkan dalam membantu pihak FAMA meningkatkan prestasi mereka seterusnya memberi imej yang baik kepada pelanggan.